

21/4/06

Melestari kepenggunaan cabaran urus sumber air

JABATAN Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia mengadakan Sambutan Hari Air Sedunia 2006 di Esplanade Sungai Kangar, Perlis selama dua hari bermula esok dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Usaha itu selaras dengan sambutan Hari Air Sedunia yang dicadangkan Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED) menerusi dokumen Agenda 21 bagi memantapkan kegiatan menyedarkan orang ramai mengenai pemuliharaan, penjagaan dan pembangunan sumber air.

Agenda 21 adalah satu pelan yang menyeluruh dan ia perlu diambil tindakan sama ada pada peringkat global, kebangsaan dan organisasi tempatan seperti jabatan kerajaan dan agensi penting yang memabitkan kesan kemanusiaan terhadap alam sekitar.

Hari Air Sedunia disambut pada 22 Mac setiap tahun sesuai ketetapan Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 22 Disember 1992 yang mengisytiharkan bermula 22 Mac 1993, sambutan diadakan setiap tahun.

Di Malaysia, sambutan Hari Air Sedunia diadakan setiap tahun sejak 1994. Sambutan kali ini dikendalikan dan diuruskan oleh Jawatankuasa Program Hidrologi Antarabangsa (MIHP) dan JPS dengan kerjasama beberapa jabatan kerajaan, badan bukan Kerajaan dan sektor swasta.

Tahun ini, sambutan Hari Air Sedunia dirasmikan Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Beberapa program disusun sempena sambutan ini iaitu perasmian Hari Air Sedunia 2006, Seminar Kebangsaan, Pameran di Esplanade, pertandingan melukis dan mewarna bagi kanak-kanak dan pembelajaran dan latihan teknikal menggunakan beberapa kaedah teknikal bagi menyukat luahan sungai, hujan, kualiti air dan juga penggunaan kaedah baru dalam bidang hidrologi iaitu radioisotope technique.

Di samping itu, sambutan tahun ini dimeriahkan dengan penutupan Forum Air Sedunia diadakan di Me-

Tema Hari Air Sedunia tahun 2006 ini ialah 'Air dan Budaya' sesuai dengan pengaruh dan kepentingan budaya terhadap nilai air.

Air dianggap sebagai suatu sumber yang suci dalam semua agama.

Malah air adalah satu dari unsur penting dalam perkembangan saintifik iaitu gabungan antara hidrogen dan oksigen (H₂O).

Menurut laporan PBB baru-baru ini, pada satu abad kebelakangan ini penduduk dunia meningkat tiga kali ganda (iaitu daripada dua bilion kepada enam bilion) dan menyebabkan penggunaan air meningkat enam kali ganda.

Dengan pertambahan penduduk yang sedemikian rupa pembangunan sumber air yang mampan perlu dirancang dengan lebih lestari.

Justeru, menjadikan pengurusan sumber air salah satu cabaran yang hebat pada abad ke-21 ini.

Hari ini, seorang penduduk di Afrika secara purata memperoleh air bekalan hanya suku daripada yang diperoleh pada 1950.

Begitu juga seorang penduduk di Asia dan Amerika Selatan boleh mendapat bekalan air pada hari ini sebanyak satu pertiga daripada yang diperoleh pada 1950.

Begitulah kadar kekurangan air yang perlu disedari oleh semua orang.

Akibat pertambahan penduduk juga memerlukan pengurusan sumber air yang berkesan bagi mengelak berlakunya keadaan seperti kekurangan air dan mengakibatkan kualiti air tercemar.

Ia dapat kita lihat apabila sering berlaku perkara seperti kecurian air dan pembuangan sisa-sisa buangan ke dalam sungai dengan begitu saja.

Bagi mengatasi keadaan sebegini salah satu kaedahnya adalah memperkuatkan lagi sektor perundangan bagi menambah kesedaran awam dan dapat menggalakkan pembabitkan orang ramai dalam pelestarian sumber air dan alam sekitar.

Berpandukan pada tema HAS 2006 ini iaitu *Air dan Budaya* maka manusia seharusnya menitikberatkan kepentingan budaya, alam sekitar dan ekonomi terhadap sumber air bersih di samping mengukuhkan sifat menyayangi alam terutama sumber air seperti sungai dan tasik.

Usaha yang lestari seharusnya diamalkan oleh badan kerajaan dan masyarakat setempat yang meliputi tradisi dan budaya yang berbeza-beza demi mencapai sasaran pengurusan sumber air negara yang mampan untuk keperluan semasa serta untuk generasi akan datang.